

# **CONVEX MALAYSIA SDN. BHD.**

(585759-H)

**BMSM 2.1**

## **DASAR KEMAMPANAN ALAM SEKITAR**

CONVEX MALAYSIA SDN BHD selaku wakil pengurusan untuk KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE menawarkan perkhidmatan pengurusan mesyuarat, insentif, konvensyen dan acara kepada pelanggan dari dalam maupun luar negara.

Objektif kami adalah bagi membantu mengekalkan matlamat kemampunan jangka masa panjang industri pelancongan di Malaysia. Terdapat pelbagai potensi kesan alam sekitar yang berpunca daripada penyediaan perkhidmatan dalam industri ini.

Dasar kami adalah untuk mengenal pasti aktiviti – aktiviti dan perkhidmatan yang berpotensi untuk menyebabkan kesan signifikan kepada alam sekitar yang akan dihadapi oleh orang awam, pekerja, pembekal dan kontraktor dan menghapuskan atau mengurangkan risiko itu setakat yang praktik melalui rawatan atau cara lain.

Dalam usaha mencapai kemampunan, ia bermula dengan komitmen untuk mematuhi di mana praktik melebihi undang-undang dan peraturan alam sekitar, dan perundangan am di Malaysia dan lain-lain kehendak yang berkaitan yang ditetapkan oleh undang-undang Malaysia. Keperluan ini berkaitan dengan aktiviti, aspek alam sekitar termasuk yang ditentukan oleh pelanggan kami dan/atau kami sendiri.

Secara keseluruhnya objektif kami adalah untuk mengelakkan berlakunya pencemaran alam sekitar serta meningkatkan mutu alam sekitar.. Kami akan menetapkan objektif dan sasaran yang boleh dinilai untuk meningkatkan prestasi kami dari segi alam sekitar yang berkaitan dengan kesan yang signifikan dalam menggunakan program EarthCheck di mana ia memerlukan penetapan piawaian prestasi yang tetap serta mensasarkan minima kesan signifikan terhadap alam sekitar serta menyelaraskan objektif kami dengan Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Ia menjadi dasar kami untuk menerbitkan keputusan laporan penilaian tahunan dan dasar kemampunan persekitaran melalui jaringan komunikasi yang efektif dengan tetamu, pekerja, pembekal, kontraktor, komuniti tempatan dan lain-lain pihak yang berkaitan. Kami juga menggalakkan mereka untuk melibatkan diri dalam program – program kami yang berdasarkan alam sekitar dan sosial bagi membantu kemampunan jangka masa panjang industri pelancongan.

Pelanggan, pekerja, pembekal dan kontraktor digalakkan untuk membaca dan memahami serta mengekalkan kandungan dasar organisasi kami dan menyampaikan maklumat ini kepada pihak-pihak yang berkaitan dengan aktiviti dan perkhidmatan yang kami sediakan.

Dasar ini dan prestasi kami dari segi alam sekitar akan dikaji semula dan diubah semula dari masa ke semasa untuk mencerminkan komitmen berterusan kami.

  
ALAN MARK PRYOR  
Pengurus Besar  
Tarikh: 23/07/2020